

PANDUAN PENULISAN JURNAL ILIM

SYARAT UMUM

Artikel yang dihantar hendaklah bertemakan Latihan dan Pembangunan Insan yang merangkumi Pengurusan dan Tadbir Urus Islam, Pendidikan, Penyelidikan, dan Inovasi dalam Bidang Hal Ehwal Islam.

Artikel yang dihasilkan adalah merupakan karya asli penulis dan belum diterbitkan lagi oleh mana-mana jurnal atau tidak dihantar serentak untuk pertimbangan mana-mana penerbitan lain.

Artikel yang dihantar perlu disertakan salinan "*soft copy*" dan tidak akan dikembalikan kepada penulis samada artikel diterbitkan atau tidak.

Penulis bertanggungjawab terhadap pandangan dan hasil penulisan di dalam artikelnya sekiranya diterbitkan.

Penulis bertanggungjawab untuk memastikan karyanya tidak melanggar mana-mana hak cipta. Editor dan penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perlanggaran hak oleh penulis.

Penulis juga perlu mendapat izin untuk mengulang atau mengubah sebarang bahan yang dilindungi oleh hak cipta dengan melampirkan surat izin bersama-sama versi suntingan terakhir manuskrip yang telah diterima.

Penghantaran artikel tuan/ puan bukan bukti penerimaan artikel untuk diterbitkan. Artikel yang diterima akan dikemukakan dalam mesyuarat untuk dimuktamadkan pemilihan penerbitan.

PENILAIAN

Artikel akan melalui proses penilaian oleh Sidang Editor ILIM. Keputusan penerbitan artikel adalah berdasarkan cadangan daripada Sidang Editor.

Kriteria penilaian adalah berdasarkan kesesuaian karya untuk Jurnal ILIM, nilai sumbangan terhadap disiplin, kesesuaian karya dari aspek konseptual dan teknikal serta kejelasan persembahan penulisan.

FORMAT ARTIKEL

Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:

- Program : Microsoft Word
- Jenis font (Rumi) : Times New Roman
- Jenis font (Arab) : Traditional Arabic
- Saiz font (Rumi) : 12
- Saiz font (Arab) : 16
- Saiz font catatan bawah/nota kaki : 10
- Jarak baris teks : 1.5
- Jarak baris nota kaki,
terjemahan al-Quran dan Hadis : 1.0
- Sistem transliterasi : Lihat **LAMPIRAN A**

Perkataan selain Bahasa Malaysia hendaklah dicondongkan (*italic*).

Penggunaan ayat al-Quran dan terjemahan hendaklah berpandukan perisian "*Quran in Word*" dengan menggunakan margin yang bersesuaian (tanpa selang).

Penapisan isi kandungan artikel hendaklah dengan menggunakan format yang berikut:

Margin

- birai atas : 2.0 cm / 0.79"
- birai bawah : 1.5 cm / 0.59"
- birai kiri : 2.0 cm / 0.79"
- birai kanan : 1.27 cm / 0.5"

Paper Size (custom size)

- Width : 15.24 cm / 6"
- High : 22.86 cm / 9"

BAHASA

Artikel boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dengan tidak melebihi 4000 – 5000 patah perkataan atau 15 – 20 halaman, tidak termasuk abstrak pada kertas saiz A4.

ABSTRAK

Artikel yang dihantar perlu disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Melayu atau Inggeris tidak melebihi 200 patah perkataan. Setiap artikel mesti disertakan dengan kata kunci.

Artikel yang mengandungi perkataan Arab yang dieja dengan rumi hendaklah menggunakan transliterasi.

Abstrak biasanya merangkumi maklumat yang mengandungi empat elemen seperti yang berikut:

- a. Pendahuluan yang merangkumi permasalahan kajian dan objektif;
- b. Metodologi kajian yang digunakan;
- c. Hasil dapatan kajian seperti teori baru, istilah, tafsiran atau penilaian yang dinyatakan dengan tepat; dan
- d. Implikasi kajian.

TAJUK DAN SUB-TAJUK

Setiap salinan artikel mesti dilampirkan bersama halaman tajuk yang berasingan yang merupakan halaman pertama bagi artikel. Tajuk sesuatu artikel perlulah ringkas, deskriptif dan tidak melebihi 15 perkataan.

Halaman tajuk perlu mengandungi tajuk karya, nama penulis, institusi, alamat, nombor telefon, nombor faks, dan alamat e-mel. Halaman tajuk ini akan diasingkan sebelum manuskrip dihantar untuk penilaian.

Tajuk utama hendaklah ditulis dengan huruf besar (*uppercase*).

Sub-tajuk hendaklah ditulis dengan huruf kecil dan huruf pertama bagi setiap perkataan hendaklah ditulis dengan huruf besar (*capitalize each word/title case*).

Semua tajuk dan sub-tajuk hendaklah ditebalkan (*Bold*) tulisannya.

SISTEM NOMBOR

Sistem nombor adalah seperti yang berikut:

Item peringkat pertama:

1. ...
2. ...

Item peringkat kedua:

- a. ...
- b. ...

Item peringkat ketiga:

- i. ...
- ii. ...

Item peringkat keempat:

- a) ...
- b) ...

NOTA RUJUKAN

1. Catatan Bawah / Nota Kaki (*footnote*)

Penulis hendaklah menggunakan format catatan bawah / nota kaki (*footnote*) dalam penulisan artikel. Cara pernomboran catatan bawah hendaklah menggunakan angka superskrip¹.

Butiran yang perlu ditulis adalah seperti berikut:

- a. Nama pengarang
- b. Tahun terbitan (kurungan)
- c. Judul (*italic*)
- d. Tempat terbitan (noktah bertindih)
- e. Penerbit
- f. Jilid / Juzuk
- g. Halaman

Contoh:

²⁸Abu Abdullah Muhammad (2001), *al-Tafsir al-Kabir*, Tehran: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, , jld. 7, hlm. 23.

2. Rujukan Al-Quran dan Hadis

Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam *Rasm al-Uthmani*.

¹ Superskrip adalah suatu tata penulisan huruf (angka, huruf, pecahan atau symbol) yang ditempatkan di atas ketinggian huruf biasa, dan umumnya dalam ukuran lebih kecil dari huruf biasa.

Penulisan teks al-Quran dan Hadis hendaklah menggunakan *font traditional arabic* bersaiz 16 dan ia mestilah berbaris sepenuhnya. Maklumat ayat dan surah bagi teks al-Quran ditulis di bawah petikan teks tersebut, bukanya di dalam nota kaki.

Contoh:

Surah al-Baqarah, 2:12

Untuk memaparkan ayat al-Quran, penggunaan salinan grafik atau "*Quran in Word*" adalah digalakkan bagi mengelak dari kesilapan ejaan.

Bagi teks hadith, maklumat takhrij hadith tersebut hendaklah dibuat sepenuhnya dalam nota kaki, bukan di bawah petikan teks tersebut. Contoh takhrij hadith yang paling ringkas adalah dengan menyebut nama penuh pengarang, tahun terbitan, nama kitab rujukan, tajuk besar (bab/ kitab) nombor hadith, bilangan jilid, tempat terbit, penerbit halaman.

Contoh:

¹² Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), Sahih al-Bukhari, "Kitab al-Buyu". no. hadith 2178. j.2. Kaherah: Dar al-Fikr, h.70.

3. Senarai Rujukan (Bibliografi)

Satu senarai rujukan mengikut abjad A hingga Z perlu dimasukkan dalam bahagian akhir artikel. Semua rujukan yang dirujuk dalam teks perlu muncul dalam senarai rujukan.

Penulis bertanggungjawab terhadap ketepatan dan maklumat yang lengkap. Beberapa rujukan oleh penulis yang sama perlu disusun secara kronologi (tarikh terawal didahulukan).

Mulakan senarai rujukan pada halaman baru dan taipkan perkataan **RUJUKAN** di bahagian atas dan tengah-tengah halaman. Taip setiap entri menggunakan format santak-tergantung dan ikuti dengan format rujukan seperti contoh berikut.

Makalah/ Buku

Barker, P. 1987. *Authoring languages*. London: Croom Helm.

Davis, N., Desforges, C., Jessel, J., Somekh, B., Taylor, C., Vaughan, G. 1997. Can quality in learning be enhanced through the use of IT? Dim. Somekh, B. & Davis, N. (eds.), *Using Information Technology effectively in teaching and learning*. London: Routledge.

Terbitan Berkala

Intan Safinas Mohd Ariff AlBakri, Siti Hamin Stapa & Rosseni Din. 2003. Using e-Mail Discussion Journal Writing in ESL Classroom: A Case Study. *VirTEC Journal* 3 (1): 55-65.

Noriah Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Din & Aidah Abdul Karim. 2002. Expanding Traditional Classroom Through Computer Technology: A Collaborative Learning Process. *Pendidikan UTM* 37 (1): 17-28.

Al- Jazari, Abu al-Khair Muhammad (t.t), 'Ali Muhammad al-Diba' (ed), *al-Nashr fi al-Qinā' Asharah*, j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

دحتم بایع بنویسلا (2007)، رسیفت تبا ملکحلا تم نازفلا، ج. 1، فکم، قبکنلا قیاقیقوتلا، ردا بنویسلا.

Rujukan laman Web

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, <http://eprd.kpm.my/bmipmk01.html>, 7 Januari 1997.

Piagam Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Persekutuan, <http://kpdnhg.gov.my/pelanggan.html>, 7 Januari 1997.

University of Malaya info, <http://cadcam.fk.um.edu.my/uaddr.html>, 7 Januari 1997.

1. Sumbangan artikel dan pertanyaan boleh berhubung dengan:

Seksyen Pembangunan Kualiti & Inovasi

Cawangan Pembangunan Profesionalisme (CPP)

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Utama Bangi

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jalan Maktab, Seksyen 12

43650 Bandar Baru Bangi

SELANGOR

<http://www.jakim.gov.my>